

# Program Mobilepreneur Melalui Aplikasi Sara-X

Oleh: Fatin Amira binti Rahmad

30 Januari 2020 – Kira-kira 90 para belia telah menghadiri Program Latihan (Soft Skill) Mobilepreneur melalui aplikasi Sara-X bertempat di Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS), Kuching.

Program yang dilaksanakan oleh CENTEXS Commercial Sdn Bhd (CCSB) dengan anjuran bersama Sara X Sdn Bhd ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para belia di Sarawak yang berkemahiran mendaftar sebagai Usahawan Mobil.

Sara-X ialah satu aplikasi digital yang menghubungkan individu atau usahawan teknikal dan bukan teknikal kepada pengguna melalui kaedah e-hailing dengan kadar segera.

Menerusi program ini para peserta didedahkan tentang keusahawanan digital dan bagaimana aplikasi Sara-X mampu membantu mereka untuk menjana pendapatan dengan lebih mudah dan berkesan. Para peserta diberi tunjuk ajar cara mendaftar sebagai '*provider*' dan cara menggunakannya sekaligus menjadi seorang '*provider*' atau '*merchant*' bertauliah.

Program ini bermula seawal jam 8 pagi dan berakhir jam 1 petang dengan pengisian 3 modul latihan dari wakil yang terlibat. Antara pihak yang terlibat adalah pegawai yang dari Sarawak Multimedia Authority (SMA), Sarawak Pay dan Etika Takaful.

Objektif program ini menyasarkan golongan usahawan mobile yang mempunyai kemahiran tetapi tidak mempunyai tempat atau teknik tepat untuk mentransformasikan sekaligus mempromosikan perkhidmatan perniagaan mereka. Para peserta disediakan bahan pengajaran latihan secara teori dan amali berkaitan sepanjang program ini berlangsung.

Melalui program ini diharap para belia tempatan mendapat pengetahuan serta berkemahiran dalam mengaplikasikan Sara X mobile seterusnya meningkatkan pendapatan dari sebelumnya.



